

Surat PM: "Nasi sudah menjadi bubur"

LONDON 17 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, semalam mempertahankan keputusan kerajaan tidak memberikan sebarang kontrak kerajaan kepada syarikat dari Britain melalui sepucuk surat kepada akhbar perniagaan berpengaruh *Financial Times* di sini.

Surat ini membayangkan bahawa harapan untuk menamatkan segera pertelingkahan perdagangan dengan Britain semakin pudar.

Dalam suratnya kepada akhbar itu, Perdana Menteri berkata "nasi sudah menjadi bubur" dan beliau berdiri teguh di belakang keputusan kerajaan mengeneppikan syarikat-syarikat Britain daripada mendapat kontrak kerajaan.

Dalam surat yang memperincikan mengapa kerajaan Malaysia membuat keputusan itu, Dr. Mahathir merumuskan "tidak ada kontrak selagi media British menyiaran pembbohongan."

Bulan lalu Malaysia mengemukakan tidak akan melayan syarikat-syarikat Britain yang ingin mendapatkan kontrak kerajaan ekoran dakwaan akhbar Britain kononnya ahli-ahli politik Malaysia menerima rasuah.

Akhbar-akhbar British juga ghairah mendedahkan "hubungan" di antara pembelian senjata

UM 18 MAR 1994
Jepun Malaysia bernilai 1 bilion pound dan "bantuan" oleh kerajaan British bagi membina Empangan Hidroelektrik Pergau.

"Bantuan yang diperolehi dari pinjaman untuk projek Pergau dengan kadar faedah sebanyak 0.8 peratus adalah terlalu kecil."

Tambahan pula Britain tidak akan diberikan kontrak pertahanan tanpa menawarkan memberi subsidi bagi pembinaan Empangan Pergau, kata surat itu.

Surat itu seterusnya menyebutkan bahawa faedah seumpama itu boleh didapati dengan mudah dari negara lain seperti Jepun.

"Bagi Malaysia, nasi sudah menjadi bubur," tulis beliau.

"Memberikan kontrak kepada Britain seolah-olah mendedahkan Malaysia kepada cercaan dan serangan fitnah."

"Kenapakah harus syarikat Britain memperolehi wang dari Malaysia jika akibatnya yang terpaksa ditanggung oleh Malaysia?"

"Jika kami hendak dicerca, sekurang-kurangnya kami tidak perlu membayar untuk itu," kata surat Perdana Menteri lagi.

Beliau berkata, media Britain suka menggambarkan rakyat Malaysia sebagai mengamalkan rasuah kerana "mereka (rakyat

■ Lihat muka 2

Surat PM: "Nasi sudah menjadi bubur"

negara ini) bukan British dan bukan berkulit putih.

Sementara itu wakil *Utusan* di London, ABDULLAH HASSAN melaporkan bahawa Pengarang Akhbar *Sunday Times*, Andrew Neil berdegil untuk terus menyiarkan "apa sahaja cerita yang difikirkannya sesuai" mengenai Malaysia sebagai reaksi kepada surat Dr. Mahathir dalam *Financial Times* itu.

Beliau berkata demikian apabila ditanya melalui program *Today* yang merupakan rancangan hai chwal semasa siaran radio BBC.

Ditanya mengenai niat sebenarnya membuat tuduhan

terhadap Dr. Mahathir, beliau berkata tidak didor oleh sebarang hasrat membalas dendam.

Beliau juga berkata beliau tidak takut pada Mahathir yang disifatkannya "orang yang mengesahbahagian besar akhbar negaranya".

Mengenai tindakan Malaysia beliau berkata, "tidak fikir ada negara ataupun akhbar yang menerimanya," katanya.

Beliau juga mendakwa mempunyai bukti yang untuk menyokong laporan akhbaranya.